

# Borang Cadangan Insurans Kebakaran

**JADUAL 9 AKTA  
PERKHIDMATAN  
KEWANGAN 2013  
(FSA)****NOTIS PENTING****Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini. Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini, anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan ini tidak tepat atau telah berubah.

**Kontrak Insurans Komersial**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka sebagai relevan, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan ini tidak tepat atau telah berubah.

Sila lihat waranti premium 60 hari yang dikepilkan kepada polisi. Menurut waranti ini, Polisi Insurans akan terbatal secara automatik kecuali setelah premium penuh dibayar kepada penginsurans dalam masa 60 hari daripada tarikh bermulanya perlindungan. Jika insurans ini diuruskan melalui Broker Insurans anda, maka Broker berkenaan akan bertindak bagi pihak anda untuk mengadakan kontrak insurans ini. Adalah mustahak untuk anda membuat pembayaran premium penuh kepada Broker anda dengan secepat mungkin iaitu dalam tempoh 60 hari waranti premium tersebut agar Broker anda dapat meremit premium lebih awal kepada penginsurans anda. Anda dinasihatkan untuk mendapatkan resit Broker dan Penginsurans daripada Broker anda untuk premium yang telah dibayar.

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA** Nota Lindung \_\_\_\_\_ Ejen \_\_\_\_\_ No. Polisi \_\_\_\_\_

Nama Pencadang \_\_\_\_\_

No. Pendaftaran Perniagaan/No. K/P \_\_\_\_\_

Alamat Surat-menyurat \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ Poskod \_\_\_\_\_

Nama Pemegang Gadai Janji/Pemegang Gadaian (jika berkenaan) \_\_\_\_\_

Jenis Perniagaan, Perdagangan atau Pekerjaan \_\_\_\_\_

Tempoh Insurans Dari \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_ (termasuk kedua-dua tarikh)

Lokasi Risiko \_\_\_\_\_

Kegunaan Premis (sila berikan keterangan penuh) \_\_\_\_\_

Adakah penyemburan cat/serbuk dilakukan? Ya  Tidak

#### PEMBINAAN

Dinding Luar  Bata, batu, konkrit      Bumbung  Konkrit, jubin, logam, asbestos      Lantai  Bata, batu, konkrit  
 Lain-lain (sila nyatakan) \_\_\_\_\_       Lain-lain (sila nyatakan) \_\_\_\_\_       Lain-lain (sila nyatakan) \_\_\_\_\_

Dinding Dalam  Bata, batu, konkrit      Lantai  Bata, batu, konkrit  
 Lain-lain (sila nyatakan) \_\_\_\_\_       Lain-lain (sila nyatakan) \_\_\_\_\_

Binaan dengan bukaan sebelah bersambung dengan bangunan dan dengan keluasan lantai kurang dari 20% dari keseluruhan keluasan lantai bangunan utama.

Binaan dengan bukaan sebelah bersambung dengan bangunan dan dengan keluasan lantai lebih daripada 20% dari keseluruhan keluasan lantai bangunan utama.

Ketinggian Bangunan \_\_\_\_\_ tingkat      Tahun pembinaan \_\_\_\_\_

No. Bil	Keterangan Harta	Jumlah Diinsuranskan (RM)	Kegunaan Pejabat Sahaja Kadar/Premium (RM)
1.	Bangunan		
2.	Sewa untuk _____ Bulan		
3.	Loji dan Mesin		
4.	Stok Dagangan terdiri daripada _____		
5.	Perabot, Lekapan dan Kelengkapan		
6.	Pembuangan serpihan		
7.	Yuran Arkitek, Juruukur dan Jurutera Perunding		
8.	Lain-lain (sila nyatakan) _____		
		Jumlah	

**PERALATAN PERLINDUNGAN KEBAKARAN:** (Sila tandakan (√) jika berkenaan)

- |  |  |   |
|--|--|---|
| <input type="checkbox"/> Alat Pemadam Api Mudah Alih diluluskan          | <input type="checkbox"/> Sistem Gas Pemadam Api                                    | <input type="checkbox"/> Riser Kering                                       |
| <input type="checkbox"/> Gulung Hos Hidrolik                             | <input type="checkbox"/> Pam Kebakaran Berkuasa Mudah Alih                         | <input type="checkbox"/> Riser Basah  |
| <input type="checkbox"/> Paip Air di Dalam - bekalan air dari punca awam | <input type="checkbox"/> Paip Air Luar - bekalan air dari punca awam               | <input type="checkbox"/> Penggera Kebakaran Automatik dan Sistem Pengesanan |
| <input type="checkbox"/> Paip Air di Dalam - bekalan air sendiri         | <input type="checkbox"/> Paip Air Luar - punca air sendiri dengan pam manual pegun | <input type="checkbox"/> Bomba Swasta Terlatih                              |
| <input type="checkbox"/> Pemasangan Perinjis Automatik                   | <input type="checkbox"/> Paip Air Luar - punca air sendiri dengan pam automatik    |   |

**PERLINDUNGAN ASAS:** Kebakaran dan petir (Bergantung kepada terma, pengecualian dan syarat-syarat polisi)

**PERIL TAMBAHAN :** (Sila tandakan (√) sekiranya perlindungan diperlukan)

Kerosakan akibat Pesawat Udara	0.005%	<input type="checkbox"/>	Ataman & Gelinciran Tanah (perlindungan standard)	0.081%	<input type="checkbox"/>
Gempa Bumi & Letusan Gunung Berapi	0.010%	<input type="checkbox"/>	a) Dengan Pembatalan pengecualian (a) dibawah perlindungan standard	0.10125%	<input type="checkbox"/>
Ribut, Taufan	0.015%	<input type="checkbox"/>	Kebakaran Semak/Lalang	0.005%	<input type="checkbox"/>
Banjir	0.086%	<input type="checkbox"/>	Pembakaran spontan (stok sahaja)		
Letupan			a) Kebakaran sahaja	0.081%	<input type="checkbox"/>
a) Industri tanpa dandang	0.006%	<input type="checkbox"/>	b) Perlindungan Penuh	0.161%	<input type="checkbox"/>
b) Industri dengan dandang	0.008%	<input type="checkbox"/>	Rusuhan, Mogok dan Kerosakan akibat Niat Jahat		
c) Bukan industri tanpa dandang	0.005%	<input type="checkbox"/>	a) Harta Kediaman	0.010%	<input type="checkbox"/>
d) Bukan industri dengan dandang	0.008%	<input type="checkbox"/>	b) Lain-lain dari harta kediaman	0.014%	<input type="checkbox"/>
Limpahan atau Lebihan air dari Peralatan Tangki atau Paip			Kebocoran Perenjis		
a) Bangunan melebihi lima (5) tingkat (termasuk mezzanine)	0.006%	<input type="checkbox"/>	a) i) Bangunan sahaja	0.005%	<input type="checkbox"/>
			ii) Pembatalan Pengecualian (d) dan/atau (e)	0.0055%	<input type="checkbox"/>
b) Lain-lain	0.005%	<input type="checkbox"/>	b) i) Isi kandungan sahaja	0.025%	<input type="checkbox"/>
			ii) Pembatalan Pengecualian (d) dan/atau (e)	0.0275%	<input type="checkbox"/>
Kesan Kerosakan Hentaman			Pemasangan Elektrik (B)	0.056%	<input type="checkbox"/>
a) Termasuk kenderaan milik yang diinsuranskan	0.004%	<input type="checkbox"/>			
b) Tidak termasuk kenderaan milik yang diinsuranskan	0.004%	<input type="checkbox"/>			

SEBARANG TAMBAHAN DIPERLUKAN (sila nyatakan) \_\_\_\_\_

**SOALAN-SOALAN AM**

- |   | Ya                       | Tidak                    |
|---|--------------------------|--------------------------|
| 1. (a) Adakah bangunan ini berasingan? (Jika ya, sila nyatakan jarak bangunan terdekat, binaan dan kegunaannya)   | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| <hr/>   |                          |                          |
| b) Jika terdapat premis bersebelahan, sila nyatakan binaan dan kegunaannya  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| <hr/>   |                          |                          |
| 2. a) Adakah sebarang proses pembuatan dilakukan di tempat tersebut? (Jika ya, sila berikan butir-butir penuh)  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| <hr/>   |                          |                          |
| b) Adakah terdapat kerja berbahaya dijalankan atau barangan berbahaya disimpan didalam bangunan ini? (Jika ya, sila berikan butir-butir penuh)  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| <hr/>   |                          |                          |
| 3. Apakah jenis barangan yang disimpan di Premis? _____   |                          |                          |
| 4. Adakah terdapat sebarang insurans yang berkuatkuasa ke atas harta benda yang sama ini dengan Syarikat ini atau mana-mana Syarikat Insurans lain?<br>Jika ya, sila berikan butir-butir penuh. _____   |                          |                          |
| 5. Pernahkah mana-mana Penanggung Insurans  |                          |                          |
| (a) menolak cadangan anda?  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| (b) enggan membaharui polisi anda?  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| (c) membatalkan polisi anda?  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| (d) meminta kenaikan kadar atau mengenakan terma khas untuk pembaharuan?  | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| Jika ya, sila berikan butir-butir penuh. _____  |                          |                          |
| 6. (a) Pernahkah anda mengalami kerugian disebabkan oleh kebakaran atau apa-apa peril lain yang dimasukkan di dalam cadangan ini di Premis ini atau sebarang Premis lain yang dimiliki atau diduduki oleh anda?<br>Jika ya, sila berikan butir-butir penuh. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| <hr/>   |                          |                          |
| (b) Adakah kehilangan/kerosakan tersebut diinsuranskan? (Jika ya, sila berikan butir-butir penuh)   |                          |                          |
| <hr/>   |                          |                          |

## **Kontrak Insurans Pengguna**

### **PENGISYTIHARAN DAN TANDATANGAN**

Saya/Kami faham bahawa menjadi tanggungjawab saya/kami untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata semasa menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dan saya/kami dengan ini mengaku bahawa saya/kami telah menjawab dengan sepenuhnya dan dengan tepat soalan di atas.

Saya/Kami selanjutnya bersetuju untuk menerima tanggungan tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dan disahkan di Polisi Syarikat serta akan membayar premium yang berkaitan dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh mula Polisi.

Saya/Kami dengan ini memberikan kebenaran tanpa syarat dan tanpa keraguan kepada pihak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutunya untuk memproses data peribadi saya/kami yang didedahkan di sini. Pihak syarikat adalah berkebebasan untuk memproses data berkenaan dan berkongsi maklumat yang didedahkan di sini kepada mana-mana penyedia perkhidmatan dan mana-mana syarikat bersekutunya dengan syarat bahawa pendedahan maklumat peribadi berkenaan adalah bertujuan dan berkaitan dengan insurans yang saya/kami pohon di sini. Kebenaran ini diberikan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Perlindungan Data Peribada 2010.

*Untuk keterangan lanjut berkaitan notis privasi kami, sila lawat laman [www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)*

Tarikh \_\_\_\_\_

Tandatangan Pencadang \_\_\_\_\_

## **Kontrak Insurans Komersial**

### **PENGISYTIHARAN DAN TANDATANGAN**

Saya/Kami mengistiharkan bahawa semua soalan telah dijawab dengan lengkap dan benar di sepanjang pengetahuan saya. Saya/Kami tidak melindungi sebarang maklumat atau fakta untuk pertimbangan untuk permohonan ini.

Saya/Kami selanjutnya bersetuju untuk menerima tanggungan tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dan disahkan di Polisi Syarikat serta akan membayar premium yang berkaitan dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh mula Polisi.

Saya/Kami dengan ini memberikan kebenaran tanpa syarat dan tanpa keraguan kepada pihak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutunya untuk memproses data peribadi saya/kami yang didedahkan di sini. Pihak syarikat adalah berkebebasan untuk memproses data berkenaan dan berkongsi maklumat yang didedahkan di sini kepada mana-mana penyedia perkhidmatan dan mana-mana syarikat bersekutunya dengan syarat bahawa pendedahan maklumat peribadi berkenaan adalah bertujuan dan berkaitan dengan insurans yang saya/kami pohon di sini. Kebenaran ini diberikan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Perlindungan Data Peribada 2010.

*Untuk keterangan lanjut berkaitan notis privasi kami, sila lawat laman [www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)*

Tarikh \_\_\_\_\_

Tandatangan Pencadang \_\_\_\_\_

Untuk dilengkapi oleh Ejen Insurans, Broker Insurans atau Kakitangan Syarikat Insurans

**AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN  
HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001  
(PENGESAHAN IDENTITI PENCADANG INSURANS)**

Selaras dengan pmatuhan Seksyen 16(3) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001), Saya, dengan ini mengesahkan bahawa Nombor Kad Pengenalan Baru/ Sijil Perniagaan asal pemohon telah disahkan ketulenannya ketika urusniaga dijalankan.

**Pengesahan Pihak Ketiga**

\_\_\_\_\_ Nama \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ No. Kad Pengenalan Baru \_\_\_\_\_  
Tandatangan Ejen Insurans, Broker Insurans atau Kakitangan Syarikat Insurans Tarikh \_\_\_\_\_

**Nota :** Salinan Kad Pengenalan Baru/Sijil Pendaftaran Perniagaan Pencadang hendaklah disertakan bersama-sama dengan borang cadangan ini untuk Polisi Insurans Persendirian jika bayaran Premium melebihi RM50,000.

**NOTIS PENTING**

Semua premium dan yuran yang tertera dalam dokumen ini mungkin tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan yang lain.